



- 1 Pernyataan yang manakah paling tepat mengenai definisi ekonomi?
 - A Sains praktikal tentang pengeluaran dan pengagihan
 - B Satu kajian tentang cara manusia memenuhi sumber yang terhad
 - C Satu kajian bagaimana manusia dapat memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - D Sains kekayaan yang mengkaji keadaan dan sebab terdapatnya kekayaan negara
- 2 Pernyataan manakah yang benar tentang sumber ekonomi?
 - A Tanah merupakan sumber yang penawarannya tidak terhad
 - B Modal merupakan alat ciptaan manusia yang mempunyai mobiliti yang tinggi
 - C Buruh merupakan individu yang berperanan menghasilkan output maksimum
 - D Usahawan merupakan input yang menyumbangkan tenaga dalam proses pengeluaran
- 3 Rajah 1 berkaitan dengan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP).



Rajah 1

- Penyataan manakah yang betul berkaitan dengan KKP di atas?
- I Titik R menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap
 - II Titik MNOPQ menunjukkan masalah pililhan di sepanjang KKP
 - III Titik P menunjukkan berlaku kos lepas terhadap Barang A sebanyak 8 unit
 - IV Titik S menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan Barang A dan Barang B
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 4 Apakah ciri sistem ekonomi perancangan pusat?
- A Motif pengeluaran adalah memaksimumkan keuntungan
 - B Harga ditentukan melalui kuasa pasaran
 - C Persaingan wujud antara firma
 - D Pilihan pengguna terbatas
- 5 Penyataan manakah yang betul tentang ekonomi Islam?
- A Individu bebas memiliki sumber kekayaan
 - B Pengeluar mengeluarkan barang untuk memperolehi keuntungan
 - C Wujud persaingan yang adil dalam kalangan pengeluar dalam ekonomi
 - D Individu dan pengeluar tidak mempunyai kebebasan untuk memiliki faktor pengeluaran
- 6 Pernyataan manakah betul tentang keluk permintaan?
- A Hubungan antara harga dan kuantiti ialah positif
 - B Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - C Penurunan harga menyebabkan kuantiti diminta berkurang
 - D Peningkatan harga menyebabkan kuantiti diminta menurun
- 7 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan bagi kereta tempatan.




Rajah 2

Apakah yang menyebabkan peralihan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga kereta import menurun
- B Kadar cukai pendapatan menurun
- C Harga kereta tempatan meningkat
- D Jangkaan harga akan meningkat pada masa hadapan

- 8 Rajah 3 berkaitan dengan keseimbangan pasaran sarung tangan getah.



Rajah 3

Situasi yang manakah menyebabkan perubahan di atas?

- A Upah buruh meningkat
 - B Harga getah sintetik naik
 - C Inovasi dalam pengeluaran
 - D Objektif pengeluaran adalah untuk memaksimumkan keuntungan
- 9 Jadual 1 menunjukkan nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi gelang emas dan beras.

Gelang emas	Beras
2.2	0.7

Jadual 1

Pernyataan yang manakah betul tentang jadual tersebut.

- A Nilai pekali keanjalan gelang emas ialah tak anjal
 - B Jumlah hasil meningkat jika harga beras dinaikkan
 - C Pengguna sangat responsif terhadap perubahan harga beras
 - D Peratus perubahan kuantiti gelang emas lebih kecil berbanding peratus perubahan harga
- 10 Apakah yang berlaku jika harga turun sebanyak 25% bagi permintaan barang yang tidak anjal?
- A Kuantiti diminta turun lebih daripada 25%
 - B Kuantiti diminta turun kurang daripada 25%
 - C Kuantiti diminta meningkat lebih daripada 25%
 - D Kuantiti diminta meningkat kurang daripada 25%

- 11** Penawaran roti bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga roti meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00.
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran roti tersebut?
- A** 0.33
B 0.62
C 1.54
D 1.88
- 12** Jadual 2 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan.

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (unit)
2	8
4	Q

Jadual 2

- Jika harga meningkat dari RM2 ke RM4, berapakah nilai Q jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 0.5?
- A** 10 unit
B 12 unit
C 16 unit
D 24 unit
- 13** Antara yang berikut, kaedah manakah yang dilakukan oleh bank pusat untuk menstabilkan nilai mata wang?
- I** Mewujudkan sandaran minimum dengan memperuntukkan 80.59% dalam bentuk emas
II Menjual Ringgit Malaysia dan membeli Dolar Amerika ketika nilai Ringgit Malaysia rendah
III Membuat pelaburan di dalam dan luar negara bagi meningkatkan pendapatan kepada negara
IV Menggunakan alat dasar kewangan bagi memastikan kadar inflasi berada pada paras terkawal
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 14** Encik Amin membeli sebuah kereta Proton Persona dengan bayaran ansuran sebanyak RM600 sebulan.
Apakah perkhidmatan bank perdagangan yang memudahkan Encik Amin untuk membuat pembayaran ansuran kereta tersebut?
- A** Draf bank
B Debit langsung
C Pindahan kredit
D Perintah sedia ada

- 15 Manakah yang menunjukkan pekerjaan dalam sektor ketiga?
- A Menangkap ikan
 - B Operator kilang kicap
 - C Mengajar di pusat tuisyen
 - D Memproses ikan menjadi keropok segera

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

Pendapatan individu = Upah + Sewa + Faedah + Dividen + **X** + Bayaran pindahan

Situasi manakah yang menerangkan **X**?

- A Encik Adli mendapat RM1 500 setahun bagi akaun Amanah Saham Bumiputera
 - B Cik Nor memenangi baucar buku daripada Kedai Buku Rahim bernilai RM100
 - C Encik Lee menerima RM3 000 atas penggunaan rumah kedai miliknya
 - D Puan Jannah memperoleh RM380 sebulan atas jualan kerepek ubinya
- 17 Apakah kelemahan menggunakan tunai dalam sesuatu urusan niaga?
- A Diterima secara meluas dalam urusan niaga
 - B Tidak sesuai membeli barang yang mahal seperti kereta
 - C Memperoleh diskaun tunai mengikut syarat yang ditentukan
 - D Menikmati harga yang murah kerana tidak melibatkan faedah
- 18 Pernyataan manakah yang betul tentang belanjawan peribadi?
- A Dapat mengawal kejatuhan harga barang
 - B Membantu individu berbelanja secara berhemah
 - C Menggalakkan individu untuk berbelanja sesuka hati
 - D Membolehkan individu membeli barang kehendak dengan mudah
- 19 Antara yang berikut, manakah yang benar tentang firma?
- I Berbeza dari segi saiz dan modal
 - II Terdapat firma swasta dan firma awam
 - III Firma membekalkan faktor pengeluaran
 - IV Firma awam mementingkan keuntungan yang maksimum
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D I dan IV
- 20 Puan Suri memerlukan tepung, mesin penguli, dan pekerja untuk membuat roti. Apakah input berubah yang terlibat dalam proses tersebut?
- A Tepung, mesin penguli, dan pekerja
 - B Tepung dan mesin penguli
 - C Tepung dan pekerja
 - D Mesin penguli



- 21 Jadual 3 menunjukkan hubungan antara jumlah output dengan kos.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
1	200	30
2	200	60
3	200	90

Jadual 3

Berapakah kos purata pada output ke-2?

- A RM130
 - B RM200
 - C RM260
 - D RM290
- 22 Jadual 2 menunjukkan output, kos purata dan kos tetap sebuah firma.

Output (unit)	Kos purata (RM)
100	50
300	30


Jadual 4

Jika kos tetap ialah RM1 000, berapakah kos berubah pada output ke 300.

- A RM5 000
 - B RM8 000
 - C RM9 000
 - D RM10 000
- 23 Pernyataan yang manakah betul tentang untung?
- A Sejenis pendapatan tidak produktif
 - B Wujud apabila jumlah kos pengeluaran lebih kecil daripada penerimaan hasil
 - C Merupakan jumlah nilai yang diterima oleh firma hasil daripada jualan produk
 - D Ganjaran kepada faktor yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
- 24 Bagaimanakah struktur organisasi dapat meningkatkan produktiviti?
- A Prosedur kerja yang ringkas dan mudah
 - B Setiap unit menjalankan tugas masing-masing
 - C Majikan yang sentiasa memotivasikan pekerjaanya
 - D Tenaga manusia ditempatkan di posisi kerja yang sesuai dengan kemahirannya

Lihat halaman sebelah]
SULIT

- 25 Pernyataan yang manakah menunjukkan kos sosial?
- A Kos yang terpaksa dilepaskan akibat masalah kekurangan
 - B Contoh kos sosial ialah peningkatan tahap pendidikan masyarakat
 - C Kos yang sepatutnya dibayar tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran
 - D Kos kepada pihak ketiga yang tidak dimasukkan dalam penentuan harga pasaran
- 26 Rajah 4 berkaitan dengan jenis inflasi.



Rajah 4

- Pernyataan yang manakah menyebabkan inflasi X berlaku?
- A Wujud lebih permintaan barang
 - B Pendapatan individu semakin meningkat
 - C Kadar inflasi negara pengekspor meningkat
 - D Upah buruh dan kos bahan mentah bertambah
- 27 Pasangan yang manakah betul?

	Dasar kewangan	Keterangan
A	Mengembang	Bertujuan untuk mengurangkan permintaan agregat
B	Mengembang	Bertindak dengan menurunkan kadar cukai pendapatan
C	Menguncup	Berupaya untuk mengurangkan jumlah penciptaan kredit
D	Menguncup	Berlaku apabila kerajaan menambah perbelanjaan pembangunan

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan satu alat dasar kewangan.

Tahun	Kadar Dasar Semalaman (OPR)
2020	2.5%
2022	3.0%

Apakah kesan tindakan tersebut kepada firma?

- A Daya saing meningkat
 - B Produktiviti bertambah
 - C Pelaburan agregat meningkat
 - D Aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk berkurang
- 29 Antara berikut, yang manakah keburukan pelaburan langsung asing?
- I Meningkatkan keupayaan pengeluaran barang
 - II Mendorong aliran masuk modal ke dalam negara
 - III Penerokaan dan pengeluaran sumber alam yang tidak terkawal
 - IV Syarikat-syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 30 Pasangan yang manakah betul?

A	Subsidi	Menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat
B	Tarif	Menghalang kemasukan barang import dari negara tertentu
C	Kuota	Mengehadkan jumlah maksimum yang boleh diimport dari sesebuah negara
D	Embargo	Menyebabkan harga barang import relatif lebih mahal berbanding barang tempatan

- 31 Situasi yang manakah cenderung memberi kesan imbang dagangan negatif?
- A Peningkatan penggunaan barang dari luar negara
 - B Aliran masuk pelaburan asing yang tinggi di sektor perkilangan
 - C Kiriman wang oleh pekerja asing ke luar negara semakin meningkat
 - D Kemasukan pelancong asing bertambah selepas kempen Tahun Melawat Malaysia

- 32** Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan permintaan dan penawaran Ringgit Malaysia.

	Perkara	Ringgit Malaysia (RM)
A	Proton memasarkan kereta SUV X70 ke Singapura	Penawaran RM
B	Encik Syafiq menghantar anaknya belajar ke New Zealand	Penawaran RM
C	BERNAS Berhad mendapatkan bekalan beras wangi dari Vietnam	Permintaan RM
D	Malaysia Care menyediakan sumbangan RM200 000 kepada mangsa banjir di Pakistan	Permintaan RM

Soalan 33 hingga **soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 33** I Ekonomi ialah mengurus semua sumber ekonomi yang ada bagi memenuhi kehendak yang tidak terbatas.
 II Kehendak manusia tetap dan tidak berubah dari semasa ke semasa.
- 34** I Hukum permintaan menyatakan apabila harga menurun maka kuantiti diminta menurun.
 II Hukum permintaan digambarkan melalui hubungan positif antara harga dan kuantiti diminta.
- 35** I Hubungan positif ditunjukkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
 II Jika harga kereta meningkat, penawaran terhadap kereta akan berkurang.
- 36** I Contoh potongan wajib ialan caruman KWSP.
 II Peningkatan kadar caruman KWSP pekerja menyebabkan pendapatan boleh guna berkurang.

Lihat halaman sebelah]
 SULIT

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37** **I** Proses pengeluaran memerlukan gabungan input untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
 II Input berubah wujud dalam jangka masa pendek dan panjang.
- 38** **I** Faedah sosial adalah faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar.
 II Pembinaan projek tebatan banjir mengurangkan risiko kerosakan harta benda merupakan contoh faedah sosial.
- 39** **I** Dasar fiskal dilaksanakan melalui perubahan kadar faedah dan pelaksanaan cukai.
 II Dasar fiskal mempengaruhi permintaan dalam kalangan rakyat.
- 40** **I** Pertukaran asing merujuk kepada mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara.
 II Apabila nilai eksport Malaysia meningkat, maka mata wang negara akan meningkat.

KERTAS SOALAN TAMAT